



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

JAWATAN	:	Penolong Naib Presiden (Pelaburan) Bahagian Pelaburan
GRED JAWATAN/GAJI	:	Gred M3
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	Pengurusan
TARAF JAWATAN	:	Tetap
BILANGAN KEKOSONGAN	:	Satu
GAJI	:	RM5,450.00 hingga RM6,470.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda/Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- d. Mempunyai pengalaman dalam aktiviti pembangunan perniagaan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang perancangan korporat dan perniagaan, perundingan dan pengkomersialan di dalam pelbagai sektor perniagaan;
- e. Mempunyai kemahiran dalam penyediaan kertas cadangan projek, pelan/ model perniagaan, analisa pelaburan, analisa kewangan serta kajian daya maju projek ("project liability study") untuk memastikan projek berjaya dilaksanakan bagi menjana pendapatan kepada syarikat;
- f. Berfikiran "business oriented" untuk mencari peluang-peluang perniagaan baharu yang berdaya maju;
- g. Mempunyai kualiti kepimpinan dan kemahiran pengurusan yang baik, berkeyakinan tinggi, berfikiran secara kreatif dan mengawal semua peringkat tenaga kerja dan operasi perniagaan di bawahnya;
- h. Memiliki kemahiran komunikasi yang baik. Boleh bekerja secara pasukan, berorientasikan hasil, mampu memenuhi tarikh akhir, tahap disiplin kerja yang tinggi, agresif, amanah dan berintegriti; dan
- i. Berkemahiran menggunakan komputer terutama Microsoft Office (MS Word, Excel dan Powerpoint). Mahir menggunakan MS Excel untuk tujuan analisa pelaburan dan kewangan adalah satu kemestian dan MS Powerpoint untuk tujuan penyediaan slide pembentangan adalah satu kelebihan.

DESKRIPSI TUGAS :

- a. Bertanggungjawab memastikan inisiatif pelaksanaan dan pencapaian setiap kluster perniagaan dalam kumpulan J-Biotech Holdings Sdn Bhd selari dengan matlamat dan halatuju penubuhan J-Biotech Holdings Sdn Bhd.
- b. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi Unit Sumber Manusia di talian 07-532 8810.

CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP IKLAN :

- a. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan jawatan yang boleh dimuat turun secara atas talian di www.jbiotech.my.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, sijil/dokumen yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain yang disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah **sebelum atau pada 17 Mac 2024 jam 4.00 petang**.

**Ketua Pegawai Eksekutif
J-Biotech Holdings Sdn Bhd
No 44 Jalan Iskandar Putri 1/2
Taman Nusantara Prima
81550 Gelang Patah
Iskandar Puteri
Johor**

- c. Nama jawatan yang dipohon dan tarikh tutup iklan hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.

CATATAN :

- a. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk temuduga;
- b. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan ditutup;
- c. Permohonan yang tidak menggunakan borang permohonan jawatan yang disediakan, tidak disertakan dokumen yang diperlukan, tidak lengkap atau tidak terang/tidak jelas dan tidak mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan akan ditolak;
- d. Permohonan yang lewat atau diterima selepas tarikh tutup iklan juga akan ditolak; dan
- e. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ini adalah ditanggung sendiri oleh pemohon.

J-Biotech Holdings Sdn Bhd

3 Mac 2024

22 Syaaban 1445H